

14/07/2000

Promosi pelancongan bukan makan angin

Norazmi Abdul Talib

PROMOSI atau makan angin? Mungkin ini yang dipersoalkan golongan tidak berpuas hati terhadap promosi pelancongan yang dilaksanakan kerajaan negeri bagi menarik lebih ramai pelancong ke bumi Hang Tuah.

Antaranya ialah anggota parti pembangkang DAP yang mengadakan demonstrasi di Lapangan Terbang Batu Berendam apabila rombongan Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam hendak berlepas ke Pekan Baru pada 7 Julai lalu bagi merasmikan Festival Pelancongan Melaka di sana.

Mereka seolah-olah ingin menjadi jaguh rakyat dengan berdemonstrasi membantah pemergian rombongan itu yang didakwa membazir kerana terlalu ramai yang pergi dan bercanggah pula dengan dasar kerajaan negeri yang mahu mengurangkan lawatan ke luar negara.

Bagaimanapun, Mohd Ali memahami tindak-tanduk golongan itu sebagai tidak matang kerana mahu mencari publisiti murah. Mereka memang suka mengkritik dan bukannya mengemukakan pelan tindakan konkrit bagi bersama-sama memajukan Melaka.

Pelancongan antara tiga sektor yang diberi tumpuan utama oleh kerajaan negeri, selain daripada sektor perindustrian dan pembinaan, yang digerakkan untuk memacu pertumbuhan ekonomi negeri.

Oleh itu, Festival Pelancongan Melaka di Pekan Baru adalah destinasi promosi kedua di luar negara selepas Singapura antara 24 hingga 26 April lalu sesudah festival yang sama diadakan di Kuala Lumpur City Centre antara 18 dan 23 Februari, dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini semua bermatlamat mencapai sasaran Melaka untuk menarik kunjungan lebih tiga juta pelancong sepanjang tahun ini iaitu sekali ganda daripada 1.5 juta pelancong yang datang ke Melaka tahun lalu.

Festival itu adalah program bersepadu kerajaan negeri dengan kerjasama sektor swasta melalui perkongsian pintar mempromosikan pelancongan berasaskan kepada rekreasi, riadah, sukan, sejarah, pendidikan, kesihatan, beli-belah, konvensyen dan seminar.

Lantas itu, kehadiran hampir keseluruhan wakil rakyat dan ramai pegawai kerajaan serta swasta mengiringi Mohd Ali dalam festival itu, sudah tentu mempunyai tugas serta tanggungjawab yang hendak ditunaikan.

Mereka sudah tentu tidak mahu membiarkan Mohd Ali keseorangan dalam mempromosikan pelancongan di Melaka, dengan moto 'Melawat Melaka Bererti Melawat Malaysia'.

Walaupun mempunyai banyak tugas sebagai pemimpin utama negeri, Mohd Ali sendiri begitu gigih mempromosikan pelancongan di Melaka dengan membantu menggerakkan Jawatankuasa Kebudayaan dan Pelancongan Negeri menjayakan visi menarik lebih ramai pelancong, terutama bermalam lebih lama di Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya dan bukan sekadar, sebagai pelancong harian.

Lantas itu, ramai yang mengambil kesempatan untuk mengiringi Mohd Ali dalam menjayakan promosi itu sehingga kira-kira 700 tetamu dari Melaka dilaporkan hadir ketika perasmian festival di Pekan Baru. Selepas itu, ramai menuju ke destinasi sendiri dalam melaksanakan tugas yang dikenal pasti.

Ada pula yang bersusah payah membawa set golf dan isteri masing-masing dengan matlamat melaksanakan tugas masing-masing, termasuk mengenali lebih rapat semua peringkat pegawai kerajaan dan swasta di Pekan Baru.

Selain menyampaikan maklumat mengenai produk pelancongan di Melaka

mereka sudah pasti membawa bersama risalah untuk diedarkan di sana supaya beg yang kosong pula boleh dipenuhi cenderahati yang boleh dicontohi untuk dijadikan sebagai produk yang boleh dikeluarkan sendiri di Melaka.

Jika dikatakan hendak makan angin begitu saja, tidak menjadi masalah kerana perjalanan antara Melaka dan Pekan Baru tidak jauh kerana hanya kira-kira 30 minit melalui udara.

Sekembalinya dari festival itu, sebagaimana di Kuala Lumpur dan Singapura, masing-masing pasti akan mengemukakan laporan kepada kerajaan negeri mengenai apa yang sudah diperoleh sama ada kejayaan atau kelemahan yang ada untuk ditangani bersama.

Ini untuk membolehkan tindakan susulan diambil bagi membuktikan kehadiran mereka bukan makan angin tetapi menunaikan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan.

Oleh itu, memang tidak sia-sia mereka yang mengikuti rombongan promosi kerajaan negeri kerana dapat menarik minat lebih ramai pelancong datang ke Melaka.

(END)